



كردان نكره قديج كرا الامن

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000

: 04-774 4010

Faks : 04-733 0910

: 04-733 8717

: 04-774 4578

: 04-774 4643

Kedah
Malaysia
where it all began

Ruj Kami : Bil (96) PBN(K)016/6/2010

Tarikh : 20 Ramadhan 1439

5 Jun 2018

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BIL. 5/2018
LAPORAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah telah menggunakan sistem iSPEKS bagi urusan kewangan yang dibuat oleh semua jabatan negeri.
3. Adalah dimaklumkan bahawa salah satu laporan yang terdapat di dalam sistem iSPEKS ialah Laporan Buku Akaun Amanah di modul Lejar Am. Walaupun begitu, untuk mengemaskinikan rekod kedudukan kewangan di jabatan agar lebih seimbang dan berbetulan, adalah dipohon YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan untuk mencatatkan segala urusan terimaan dan bayaran berkaitannya di dalam buku laporan secara 'manual'.
4. Perkara ini bertujuan untuk mengenalpasti kesilapan yang berlaku serta untuk mengesahkan transaksi dan baki akaun amanah dan deposit yang terdapat di dalam sistem iSPEKS.
5. Pihak YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan adalah dipohon untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan agar semua maklumat urusan didapati berbetulan seiring dengan sistem perakaunan akaun yang diamalkan.
6. Kerjasama dan perhatian YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Ruj Kami : Bil (96) PBN(K)016/6/2010

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(NAZHATUN BT MD.REJAB, AMK., (C.A.M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman

s.k. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah